

Qalam

Bilangan 120, Muhamarram 1380, Julai 1960, 60 Sen

Warta Jabatan Agama dengan Siaran Agama Kristian

Dalam keluaran ini kita ada menyiaran dengan sepenuhnya rencana pengarang, Warta Jabatan Agama Johor bilangan 119 yang meminta supaya umat memerhati gerak geri seruan-seruan Kristian yang sedang giat bersungguh-sungguh menyiaran agamanya ke segenap pelusuk negeri ini semenjak daripada tajaannya yang pertama di Melaka pada tahun 1545 Masihi itu. Kandungan rencana pengarang ini bolehlah kita simpulkan seperti ini:

1. Adalah menjadi pertanyaan mengapakah bangsa asing yang berhijrah masuk ke tanah air kita ini beramai-ramai memasuki agama Kristian?

2. Penyiar-penyiar Kristian terus-menerus, di dalam apa pun bergerak bukannya sahaja dengan lisan, tetapi dengan tulisan dan risalah-risalah yang dikorbankan mereka, dengan mendapat bantuan dari dalam dan dari luar.

3. Sekolah-sekolah mereka yang tinggi tarafnya dan sedarjah dengan sekolah-sekolah kerajaan, dan kelulusannya diiktiraf. Sekolah-sekolahnya dimasuki bukan sahaja oleh orang-orang mereka tetapi juga oleh anak-anak Islam.

4. Ia mengetahui bahawa tenaga usaha mereka sangat besar sehingga menarik bermilion-milion orang Kristian sedang usaha-usaha Islam mengislamkan orang-orang yang

bukan Islam adalah tersangat kecil. Yang memeluk agama Islam itupun kebanyakannya melalui sebab-sebab yang bukan daripada seruan Islam yang teratur.

5. Memandang bahawa gerakan-gerakan penyiar Islam seperti Jam'iyyah Singapura, Pulau Pinang, Perak dan Melaka dan Lujnah Pengembang Agama Islam Muar dan Batu Pahat itu adalah terbatas usahanya untuk menyiaran agama Islam di masjid-masjid, surau-surau dan kepada orang-orang Islam sahaja – tidak kepada orang-orang yang bukan Islam. Hanya pada masa yang akhir ini, Pejabat Agama Johor mengadakan seorang Cina Islam untuk memperdengarkan pengajaran Islam kepada orang-orang Cina yang bukan Islam. Tenaga ini sangat kecil.

6. Usaha orang-orang Kristian mengembangkan agamanya merata-rata dengan menggunakan cara-cara yang halus, budi pekerti yang baik, ramah tamah dan menggunakan tutur kata yang halus.

7. Penyiar-penyiar Kristian itu mengenal Islam lebih daripada setengah-setengah kita mengenal agama kita dan kerana itu mereka membuat jangka panjang untuk menghadapi anak-anak Islam.

Inilah sebahagian daripada kandungannya yang mustahak diperhatikan. Kita bersyukur bahawa Jabatan Agama Johor telah menyedari akan bahaya-bahaya Kristian yang telah memasuki daerah Johor dengan mengeluarkan sebanyak-banyaknya risalah-risalah Kristian yang bertulis Jawi dengan suatu cara yang halus benar.

Kemajuan siaran Kristian di tanah air kita ini bukannya patut lagi menimbulkan suatu pertanyaan kepada kita tetapi mustahak kita bekerja, sekurang-kurangnya menimbulkan perasaan keagamaan (*Tawhid*) dan persaudaraan di dalam dada anak-anak kita supaya tidak dapat dipengaruhi oleh siaran-siaran Kristian yang datangnya berbagai-bagai corak itu dan gaya dengan dijalankan mereka mengikut jangka panjang.

Untuk menghadapi ini, sepatutnya Pejabat Agama Johor sendiri menjadi pelopornya, berkerjasama dengan pejabat-pejabat agama yang lain di negeri-negeri lain untuk memikir, merencana dan membentuk badan dan usaha bersama bagi melaksanakan kerja-kerja yang sebaik-baiknya menghadapi bahaya ini kerana sebagai badan rasmi yang diiktiraf oleh kerajaan tiap-tiap buah negeri itu sudah pada tempatnya usaha-usaha itu akan lebih berkesan daripada masing-masing membuat sendiri-sendiri. Ini bertambah-tambah lagi jika dipandang bahawa Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mengakui bahawa agama Islam adalah agama rasmi bagi negeri ini.

Di dalam melangkah ini, yang utama sekali diperhatikan ialah bentuk mengikat persaudaraan di antara kita sesama kita. Perkara-perkara yang telah lalu terlebih dahulu mesti dikaji dengan semasaki-masaknya, buruk baiknya. Lemahnya perkembangan Islam di antara kita adalah dengan sebab yang besar sekali ialah terbitnya bukannya daripada kerana bentuk masyarakat kita memandang agamanya “masa bodoh” sahaja, tetapi pada masa yang lampau, boleh dikatakan jabatan-jabatan agama yang ada di tiap-tiap buah negeri itulah yang menghalang segala gerak yang boleh menghidupkan jiwa pemeluk-pemeluk Islam bergerak dan berjihad di jalan Allah.

Kita patut mengkaji sedalam-dalamnya perkara mengajar dengan tidak bertauliah yang menjadi pertengkarann-pertengkarann yang hebat sehingga dengan menggunakan kuatkuasa yang ada di tangan pegawai-pegawai agama seseorang yang tidak digemari mereka tidak boleh mengajar, tidak boleh bersyarah dan seumpamanya. Jangankan bersyarah sedangkan memerdengarkan kandungan syarahan-syarahan daripada ulama Indonesia yang bersyarah di Singapura di tempat-tempat di Persekutuan pun pada suatu tempat tidak boleh diperdengarkan kerana muftinya tidak mengizinkan. Pernah juga seorang ahli pensyarah agama yang sederhana perdiriannya melawat Singapura apabila dijemput orang di Batu Pahat khabarnya tidak dapat kelulusan daripada Pejabat Agama Johor.

Sebaliknya, di dalam agama Kristian bergerak itu, Warta Jabatan Agama Johor itu sendiri, di dalam fatwa-fatwa

muftinya, tidak berhenti-hentinya dari satu ke satu masa menghukumkan orang-orang yang tidak sefaham denganannya di dalam masalah *khilāfiyyah* orang itu kafir bahkan dari satu ke satu masa mengecil-ngecilkan pula alim ulama yang lain dengan kata-kata yang merendahkan. Langkah-langkah seperti ini sebenarnya sangat berbahaya kerana kesannya pemuda-pemuda, lingkungan muda bosan atau jelak melihat tidak lain yang dipersoalkan halal haram sesuatu dengan masing-masing pihak boleh mendatangkan hujahnya, padahal perkara-perkara yang besar di dalam perkembangan masyarakat tidak sedikit pun diperhatikan oleh pemimpin-pemimpin agama di dalam jabatan agama itu. Mereka tidak lagi dapat berfikir dan berusaha bagaimana caranya supaya pemuda-pemuda yang bakal ganti mereka boleh tertarik mempelajari pelajaran agama **yang bersesuaian dengan cara berfikir** zaman ini!

Jabatan Agama Johor juga sepatutnya terlebih dahulu mengoreksi atau mengkritik hal-hal pelajaran agama yang dibina mereka sekarang. Kalau Warta Jabatan Agama mengatakan bahawa agama Kristian telah pun mengadakan pelajaran mereka di sekolah-sekolahnya sepadan dengan sekolah-sekolah kerajaan dan pengajiannya diiktiraf sama di merata-rata dalam dunia maka kita suka menarik perhatian Pejabat Agama Johor akan kitab-kitab pelajaran agama yang diajarkan di sekolah-sekolah agama Johor yang digunakan sekarang ini.

Semak dan renung sendiri akan kitab-kitab yang diajarkan di sekolah-sekolah agama di Johor itu. Perhati kitab tauhidnya, perhati pelajaran tarikhnya dan seterusnya kemudian ukur kepada cara berfikir kanak-kanak zaman kemajuan sekarang. Sesudah itu berfikir dengan cara ikhlas bagaimana pula cara mutu fatwa membuat kitab-kitab yang hanya kitab-kitab itu sahaja boleh diajarkan sedang yang jadi korban daripadanya anak-anak Islam yang bakal jadi **pemuda yang akan menghadapi dua perkara di hadapannya** iaitu **pengertian tidak bertuhan** dan **tipu muslihat Kristian** yang cuba memalingkan keyakinan umat Islam daripada agamanya.

Warta Jabatan Agama Johor seolah-olah baharu menyedari kekuatan Kristian dengan seruannya di serata dunia ini. Apabila terjadi penindasan Komunis terhadap orang-orang Kristian di Hungary – serata dunia Kristian bergoncang. Pelarian-pelarian siasah orang-orang Kristian silih berganti berhijrah ke mana-mana tempat dengan dibelanjai oleh mereka. Terjadi perebutan-perebutan menembak orang-orang kulit berwarna di Afrika Selatan, kerana mereka telah banyak jadi Kristian, bergegar dunia dibuatnya sehingga Malaya sendiri bersama-sama menunjukkan perasaan tidak berpuas hati; tetapi jika umat Islam yang tertindas seperti yang dilakukan Sukarno di Indonesia terhadap perkembangan Islam, di Malaya PAS sendiri diam, apalagi Perikatannya dan “umat Islamnya” semuanya tidak berbunyi padahal bukannya sahaja penganiayaan dan perkosaan yang dilakukan tetapi kebebasan beragama

sudah tidak ada lagi di sana. Khutbah Jumaat terlebih dahulu hendaklah disampaikan seminggu kepada pemerintah setempat sebelum dibaca, padahal pada masa penjajahan Belanda, pada masa pendudukan Jepun, tidak pernah terjadi demikian. Dunia Islam tidak memprotes dan tidak pun mengambil endah! Mengapa? Inilah soalnya yang mesti kita balik kepada persoalan yang dibawa oleh Warta Jabatan Agama Johor. Kita lemah kerana kita tidak bersatu. Pejabat Agama Johor sendiri dengan siaran-siarannya selalu memecahkan persatuan umat dengan menghentam ke sana mengkafirkan di sini. Sepatutnya persoalan faham dan pengertian, selagi tidak melanggar asasnya hendaklah tidak lagi dijadikan pertelingkahan. Hormat-menghormatilah di atas faham masing-masing – jangan cela-mencela di atas fahaman kerana cela-mencela perpecahan yang didapat, dan dalam masa



Johan Bacaan Quran anjuran Persatuan Bawean¹ Singapura. Johan lelaki (di tengah-tengah) saudara Saad Senawan dan di sebelahnya johan perempuan: Mawiyah Arif – bersama dengan jawatankuasa P.B.S dan pengadil-pengadil.

¹ Merujuk kepada Orang Boyan.

perpecahan itu orang-orang Kristian bertepuk tangan kerana mereka mengetahui sedalam-dalamnya bahawa angkatan muda kita akan melarikan diri daripada agamanya, tidak mengendahkan lagi kepada seruan-seruan agamanya bahkan mereka memandang benci kepada orang-orang yang beragama Islam seperti yang kita lihat riak-riaknya hari ini.

Dengan adanya perkembangan ini, maka bukannya lagi kelak yang dihadapi usaha-usaha dari luar tetapi timbul musuh-musuh di dalam selimut, daripada anak-anak kita sendiri yang menentang dan mencabar agamanya.

Kerana keadaan-keadaan inilah sebaik-baiknya bagi kita, daripada kita memerhatikan lingkungan atau golongan yang di luar daripada lingkungan kita maka janganlah kita memandang kecil kepada perkara-perkara yang mesti diperhatikan di dalam lingkungan kita sendiri – jangan harapkan guruh di langit air di tempayan dicurahkan – harap mengislamkan orang, anak-anak kita murtad, keluar daripada Islam.

Kita mesti terlebih dahulu mencari perpaduan untuk mengumpulkan tenaga. Apabila tenaga terkumpul maka usahakanlah menjalankan sesuatu binaan yang berkesan untuk menyakinkan pemuda-pemuda kita kepada keesaan Tuhannya dan menyakinkan kepada mereka jiwa bertanggungjawab dan berkurban kepada agamanya. Kalau jiwa ini tidak ditanam semenjak daripada kanak-kanak di bangku sekolah, maka janganlah diharap mereka akan memberi pengorbanan kepada agamanya seperti yang telah dibuat oleh orang-orang Kristian kepada agamanya, jauh sekali seperti pengorbanan di zaman sahabat-sahabat Nabī *radiya Allāhu 'anhuma* dahulu. Kepada orang-orang yang tidak berjiwa itu tidak berkesan lagi segala apa-apa pahala yang dijanjikan Tuhan kepada mereka bahkan mereka tidak gerun kepada janji-janji seksa Tuhan kepada kesalahan-kesalahan dan langgaran mereka.

Kerana itulah kita menganjurkan untuk menghadapi ini hendaklah dibuat suatu rencana jangka panjang dengan terlebih dahulu jabatan-jabatan agama masing-masing negeri itu bersatu dan bekerjasama dengan rapat, bekerja menyamakan pelajarannya yang

dibina dengan disesuaikan dengan zaman dan keadaan masa. Tidak lagi seperti sekarang, masing-masing pelajaran dibuat oleh masing-masing pihak dan guru-guru berkumpul membuat buku dan perkembangan agama menjadi korban.

Kita berharap jabatan agama dengan perasaan dingin memerhatikan keadaan di Pejabat Agama Johor sendiri dahulu – kemudian di mana ada salahnya diperbaiki dan mencari jalan berusaha menyatukan umat. Kita wajib ingat memperbaiki keadaan diri kita lebih utama daripada bercita-cita sedang cita-cita itu tidak berkesampaian. Kita datangkan tulisan ini kerana kita yakin apa yang ditulis oleh Warta Jabatan Agama itu adalah suara rasmi Pejabat Agama Johor yang kita rasa telah tiba saatnya untuk membetulkan keadaan-keadaan pertadbiran pelajaran dan cara-cara bekerja dengan cara baharu yang bakal mengikat dan mengukuhkan persaudaraan Islam dan menghidupkan roh tauhid dan roh pengorbanan kepada seluruh pemeluk-pemeluk Islam dengan ajaran-ajaran yang logik, yang diterima oleh perasaan tiap-tiap seorang.

Sudah terbit!

Pengajian

KESAH PELAYARAN

ABDULLAH MUNSHI

di-susun sa-mula oleh:

EDRUS

Harga \$2.50 sa-naskhah

tambah belanja pos (register) 40 sen

di-terbitkan oleh:

QALAM